

12/04/2002

Kilang MKT di Asia Tengah

KUALA LUMPUR: Metro Koats Technology Sdn Bhd (MKT), syarikat tempatan yang membekalkan alat penyamaran tentera seperti `Infra Red Paint', semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebuah syarikat Yemen bagi membuka kilang di negara Asia Tengah itu.

Persefahaman itu ditandatangani dengan Hamdo's Est for Industry and Trade Yemen selepas rundingan diadakan ketika lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu, Ogos lalu.

MKT diwakili Pengarah Urusannya, Yusseri Said, manakala Pengarah Urusan Hamdo's Est for Industry and Trade, Hamdo Abdul Karim mewakili syarikat itu.

(END)